



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN HALAMAN RUMAH BERSIH
DAN INDAH PERMATANG NIBONG 2019

TARIKH / MASA / TEMPAT
29 DISEMBER 2019 (AHAD)
9.30 PAGI

DEWAN ORANG RAMAI
PERMATANG NIBONG
PERMATANG PAUH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmod

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Encik Lim Kok Heng

South Island Garment Sdn. Bhd.

Yang Berusaha Encik Rosli Bin Ishak

Pengerusi Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad

Yang Berusaha Encik Anas Bin Mohd Kassim

Pengerusi Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Para Penduduk Permatang Nibong

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikumwarahmatullahiwbaramakatu,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Permatang Nibong 2019 anjuran bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), South Island Garment Sdn. Bhd. dan Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Encik Lim Kok Heng dan South Island Garment Sdn. Bhd. di atas sokongan padu yang diberikan dalam menjayakan program ini.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, MBSP telah berganding bahu dengan South Island Garment Sdn. Bhd. dalam pelbagai usaha untuk memelihara dan memulihara alam sekitar sejak tahun 2016. South Island Garment Sdn. Bhd. menunjukkan dedikasi yang amat tinggi dalam usaha untuk memelihara alam sekitar bersama MBSP iaitu dalam aktiviti kitar semula dan membuat bebola tanah (*mudballs*). South Island Garment Sdn.

Bhd. juga menyumbangkan kain lebih atau terpakai kepada komuniti untuk dijahit dan dijadikan bahan *upcycle* seperti beg. Latihan menjahit dan sebagainya juga disumbangkan kepada komuniti seperti di Permatang Nibong ini. Selain itu, South Island Garment Sdn. Bhd. juga menyertai program sisa sifar dengan mengumpul sisa makanan untuk dihantar ke Pasar Bagan Ajam untuk tujuan pengkomposan.

South Island Garment Sdn. Bhd. bukan sahaja terlibat dalam penajaan dan penganjuran program-program bersama MBSP, malahan pihak pengurusan dan juga kakitangan-kakitangan South Island Garment Sdn. Bhd. menunjukkan komitmen tinggi dalam penjagaan kebersihan, keindahan, kehijauan bumi dan kesejahteraan alam sekitar dalam setiap program dan aktiviti yang dianjurkan. Saya amat kagum dengan semangat yang ditunjukkan oleh South Island Garment Sdn. Bhd. Syabas dan Tahniah!

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Anas Bin Mohd Kassim, Pengerusi Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad; Encik Rosli Bin Ishak, Pengerusi Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad serta para penduduk Permatang Nibong yang telah memberikan kerjasama dan komitmen dalam menjayakan program pada pagi ini.

Program Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Permatang Nibong 2019 yang diadakan hari ini adalah merupakan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), di mana melalui pendekatan *people and private partnership*, MBSP bukan sahaja menjalinkan kerjasama dengan syarikat korporat, malahan juga melibatkan masyarakat setempat yang secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan bumi kita.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Sempena pemasyhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada 16 September 2019, Kampung Permatang Nibong telah diisytiharkan sebagai Kampung *Upcycle*. Permatang Nibong telah dipilih sebagai Kampung *Upcycle* berasaskan kreativiti dan inovasi serta komitmen penduduk di sini mengumpul barang-barang untuk dijadikan kraftangan serta menghasilkan produk-produk *upcycle* yang menarik dan boleh dipasarkan. Melalui Koperasi Lestari Alam Sekitar promosi jualan *upcycle* telah mencapai kejayaan yang membanggakan

Sejak tahun 2012 lagi, penduduk Permatang Nibong mula terlibat dengan program-program komuniti mampan. Pada 30 September 2012, Kampung Permatang Nibong telah melibatkan diri dalam program CIMB–*Community Link* yang menjalankan program pengkomposan sisa dapur. Penglibatan penduduk adalah amat memberangsangkan di mana 56 orang telah menyertai program ini dan sebanyak 1,120 kg sisa makanan yang berjaya dikutip untuk dikomposkan.

Bagi program kutipan barang kitar semula pula yang bermula sejak 19 Januari 2013, sebanyak 4,529 kg telah dikumpul untuk jualan. Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong ditubuhkan dan telah melaksanakan pengumpulan barang kitar semula dengan jayanya. Pusat ini juga telah menjadi tempat pendidikan bagi penjagaan alam sekitar dan mendapat perhatian untuk dilawati terutamanya daripada pegawai *Global Environment Centre Japan* dan *United Nations Environment Programme (UNEP)*.

Penduduk Kampung Permatang Nibong juga menjalankan kebun kejiranan (*community farming*) dan hasil sayur-sayuran yang ditanam dibahagikan sesama penduduk yang mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut. Pada tahun 2014, sebuah loji biogas telah ditaja oleh SVAC ViroGREEN Sdn.Bhd. yang berkapasiti 1 meter padu dan boleh menjana biogas untuk kegunaan memasak selama dua (2) jam setiap hari. Jumlah

sisia organik yang perlu dimasukkan dalam loji biogas adalah sebanyak 2 kg sisia organik/hari.

Pada penghujung tahun 2013, penduduk Permatang Nibong telah mengambil inisiatif dengan melibatkan diri dalam bidang menjahit bahan-bahan plastik. Program ini adalah kerjasama di antara MBSP dengan SVAC ViroGreen Sdn Bhd. SVAC Virogreen Sdn Bhd dengan rantaianya Kilus Cooperative Foundation, Filipina telah menghantar tiga (3) orang yang pakar dalam menjahit, menganyam dan memanic untuk melatih penduduk Permatang Nibong untuk mengguna semula pembungkus plastik atau *doy pack* yang tidak dapat dikitar semula atau dibuang sebagai sampah untuk dijadikan barangan seperti beg. Selain itu, kelas menganyam bahan plastik juga dijalankan untuk menghasilkan anyaman dan memanic atau membuat aksesori seperti gelang atau rantai dari kertas majalah terpakai yang mempunyai nilai pasaran. Seramai 34 orang penduduk telah menghadiri bengkel yang diadakan dengan jayanya. Di sinilah bermulanya industri *upcycle* di Permatang Nibong.

Penduduk Permatang Nibong seterusnya menubuhkan Koperasi Perusahaan Hijau Permatang Nibong bagi memastikan kemampunan program yang dianjurkan dan membantu penduduk menjana satu perniagaan dimana “sampah dapat ditukar kepada wang” dan ia bukan lagi sebagai hobi.

Koperasi ini menjadi agen pemasaran bahan-bahan yang dihasilkan oleh penduduk. Dengan cara ini membantu dalam pembiayaan perbelanjaan pengurusan dan menjana pendapatan tambahan ahli-ahli koperasi. Disini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih SVAC ViroGreen Sdn. Bhd. kerana membantu memasarkan produk / beg-beg yang dijahit ke luar negara.

Di Kampung Permatang Nibong ini juga terdapat aktiviti penanaman padi organik. Kombinasi antara keindahan landskap dan aktiviti penanaman padi organik diharap satu hari nanti, mampu menjadikan Kampung Permatang Nibong sebagai salah satu pusat agro pelancongan.

Dengan penglibatan dan sokongan padu penduduk dalam menjalankan kegiatan-kegiatan 8R, pengkomposan, kebun kejiranan, pengumpulan barangan buangan dan juga penghasilan barangan *upcycle* menunjukkan kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan dalam mewujudkan komuniti sisa sifar.

SYABAS dan TAHNIAH!

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Hari ini kita semua berkumpul dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih Dan Indah Permatang Nibong 2019 yang telah dilancarkan pada 4 Mei 2019 yang lalu. Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih Dan Indah Permatang Nibong 2019 ini adalah tanda penghargaan di atas kejayaan penduduk Kampung Permatang Nibong yang telah berusaha untuk mencantikkan dan menjaga kebersihan kawasan atau perkarangan rumah masing-masing.

Pertandingan Halaman Rumah Bersih Dan Indah Permatang Nibong 2019 ini merupakan tahun kedua ianya dilancarkan. Pada tahun ini, Syarikat South Island Garment Sdn. Bhd. telah bermurah hati untuk menaja sebanyak 29 hadiah yang merupakan barang-barangan elektrik. Pertandingan bermula dari 4 Mei 2019 hingga 29 November 2019 di mana merupakan tempoh penilaian. Setiap penyertaan akan dinilai berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan iaitu:-

- i. Jumlah pokok hiasan yang ditanam serta susun atur landskap (20m)

- ii. Penanaman sayur-sayuran (10m)

- iii. Keadaan kebersihan halaman rumah (30m)

- iv. Penggunaan bahan buangan secara optima untuk hiasan (10m)

- v. Penghasilan kompos sebagai baja tanaman (10m)

- vi. Pengasingan sisa di punca untuk kitar semula (20m)

Sepanjang penilaian dilaksanakan, para juri telah menyenaraikan beberapa penambahbaikan yang dapat dilakukan iaitu:-

- i. Kebersihan persekitaran dapat ditingkatkan dengan pengurusan sampah yang lebih baik, seperti mengelak membuang sampah dibelakang rumah atau di kawasan lapang/awam.

- ii. Sisa dapur perlu dijadikan kompos kerana ia boleh membantu dalam meningkatkan kesuburan tanah.

- iii. Menjalankan aktiviti penanaman sayur sebagai sumber makanan dan jika tanaman dibuat dengan lebih giat hasil tanaman tersebut boleh dijual sebagai salah satu sumber pendapatan.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Matlamat utama program ini adalah untuk mempertingkatkan kesedaran dan amalan menjaga kesihatan serta kebersihan persekitaran dalam membentuk kampung yang bersatu-padu, indah dan tersusun menerusi aktiviti pertandingan selain daripada meningkatkan tahap kebersihan dan keindahan Kampung Permatang Nibong.

Ianya juga untuk membudayakan dan menyemai amalan menjaga kebersihan di dalam dan luar rumah serta halaman bagi menghindarkan pencemaran alam sekitar, memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes, di samping mengindahkan dan menghijaukan persekitaran yang

memaparkan cara hidup orang Malaysia. Selain daripada itu, sekiranya ada ruang di halaman rumah adalah amat digalakkan untuk menanam pokok buah-buahan, pokok bunga dan juga sayur-sayuran yang berfaedah dan mendatangkan hasil untuk kegunaan sendiri. Melalui program ini, diharapkan setiap penduduk kampung bersemangat untuk menceriakan dan menjaga kebersihan kawasan Kampung Permatang Nibong .

Program seperti ini dianjurkan untuk menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak orang awam untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang.

Selain daripada menjaga kebersihan, saya ingin menekankan kepentingan amalan pengasingan sisa di punca dan juga kitar semula. Saya amat mengalu-alukan kerjasama daripada golongan masyarakat agar memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan sesuai dengan konsep 8R yang sentiasa saya war-warkan iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Re-use, Repair, Re-gift, Recover* dan *Recycle*.

Saya menyeru para hadirin sekalian untuk menjadikan kitar semula dan sisa sifar sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan se hijau mungkin.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Saya bagi pihak MBSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penduduk Permatang Nibong yang menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini dan berharap agar terus menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan Bandar Raya Rendah Karbon dan Bandar Raya Pintar menjelang tahun 2022. Saya berharap usaha kelestarian hijau Permatang Nibong ini dapat menjadi contoh kepada komuniti-komuniti lain di Seberang Perai.

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO₂e per kapita** kepada **4.0 tan CO₂e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun

2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke *1.5 degree Celcius*.

Oleh itu, saya menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MBSP dalam menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat dan sejahtera. Ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitiran evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”**.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Bersih dan Indah Permatang Nibong 2019.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.